

MEDIA	Bernama	DATE	2 Aug 2021
URL	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1988365		

BERNAMA.com

EKONOMI

UOB Malaysia berjaya tentukan harga, tempatkan IMTN empat tahun berjumlah RM323 juta oleh EXSIM



02/08/2021 11:34 AM

KUALA LUMPUR, 2 Ogos – UOB Malaysia telah berjaya menentukan harga dan menempatkan terbitan Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) bagi tempoh empat tahun berjumlah RM323 juta oleh pemaju hartanah Kumpulan EXSIM (EXSIM) pada kadar keuntungan tetap 4.5 peratus setahun.

Terbitan ini merupakan tranche kedua Program Sukuk Musharakah berjumlah RM2 bilion EXSIM yang mengewangkan pendapatan masa depan dua pembangunan kediaman mampan di Lembah Klang.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif UOB Malaysia Ng Wei Wei berkata kejayaan dalam penentuan harga dan penempatan IMTN adalah bukti pengetahuan mendalam UOB Malaysia mengenai sektor hartanah negara serta keupayaannya mengatur perjanjian yang mengewangkan pendapatan masa depan aset hartanah kediaman yang hijau dan mampan.

"Di UOB Malaysia, kami komited membantu pelanggan kami memacu agenda alam sekitar, sosial dan tadbir urus dalam memenuhi permintaan pelabur mereka yang inginkan syarikat mempunyai model dan amalan perniagaan mampan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Selain itu, terbitan IMTN akan dijamin dan disokong oleh perjanjian jual beli yang dilaksanakan untuk dua projek pembangunan kediaman EXSIM – D'Quince Residences dan D'Vervain Residences.

Pengarah Urusan EXSIM Lim Aik Hoe berkata kejayaan dalam terbitan IMTN ini akan memberikan EXSIM kecairan untuk mencapai tahap pertumbuhan seterusnya bagi projek pembangunan syarikat di masa depan.

"Dengan sokongan daripada UOB Malaysia, transaksi ini yang merupakan sebahagian daripada Program Sukuk yang inovatif, akan membantu EXSIM mengekalkan perbelanjaan modal dan keperluan modal kerja bagi projek pembangunan hartanah yang baharu dan sedia ada kami.

"Ia juga akan membolehkan kami memberi lebih banyak nilai kepada pihak berkepentingan kami," tambah beliau.

Tahun lepas, UOB Malaysia turut menyokong Program Sukuk EXSIM berjumlah RM3 bilion, dijamin terhadap pendapatan masa depan pembangunan hartanah komersial syarikat, Scarletz Suites yang terletak di Kuala Lumpur.

Ditubuhkan pada 2008, EXSIM berpengkhususan dalam membangunkan projek hartanah kediaman, komersial dan perindustrian yang mewah di Lembah Klang.

Sehingga kini, EXSIM telah melancarkan secara rasmi 28 pembangunan dengan jumlah nilai pembangunan kasar sebanyak RM12 bilion manakala RM18 bilion masih lagi dalam perancangan.

– BERNAMA